

TEKS UCAPAN ALUAN

**PROFESOR DATUK TS. DR. ROZIAH BINTI MOHD
JANOR
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

SEMPENA

**MAJLIS APRESIASI DAN ANUGERAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI
(ACIS) 2023**

**17 FEBRUARI 2023 | JUMAAT | 8.30 MALAM
SHAH ALAM CONVENTION CENTRE (SACC)**

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan**

Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia.....

[SALUTASI- Kemaskini Berdasarkan Kehadiran]

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama berhimpun dalam Majlis Apresiasi dan Anugerah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) 2023.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak ACIS yang telah sudi menjemput saya ke majlis malam ini. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran rakan strategik

ACIS kita. Semoga hubungan kerjasama dan kolaborasi yang terjalin akan terus mekar dan subur demi kepentingan kesemua pihak.

3. Rasanya masih belum terlambat juga untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada seluruh warga ACIS. Menjadi harapan kita semua agar tahun 2023 akan lebih baik dalam memberikan kita kejayaan bukan sahaja pada peringkat universiti ini malah pada peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Warga ACIS dan hadirin sekalian,

4. Dalam mendepani endemik COVID-19 dan fasa jangkaan kemelesetan ekonomi 2023, kita perlu pastikan Pelan Strategik UiTM2025 lebih realistik. Ini kerana cabaran besar yang kita hadapi ialah kekangan kewangan.

5. Pada tahun lepas, ACIS telah dinobatkan sebagai *Top 3 Private Grant Acquisition* bagi kluster Sains Sosial. Tahniah. Saya percaya dengan kemampuan ACIS di bawah kepimpinan Prof. Madya

Dr. Afandi Mat Rani dalam mendapatkan penjanaan luar bagi program, penyelidikan dan aktiviti memastikan segala perancangan pada tahun 2023 dapat dilaksanakan dengan lancar.

6. Saya sangat berbesar hati dan merakamkan jutaan syabas kepada Dekan dan warga ACIS yang bertungkus-lumus menjayakan persidangan-persidangan antarabangsa yang membantu menyumbang ke arah ketampakan UiTM di peringkat global. Seterusnya menyumbang juga kepada pendapatan fakulti, iaitu ZAWFI 2022 sebanyak RM61,863, INHAC 2021 sebanyak RM23,871 dan ICIS 2021 sebanyak RM97,290.
7. Adalah tepat sekali apabila baru-baru ini, ACIS telah dianugerahkan Anugerah Penjanaan Pendapatan Cemerlang PI117: Income Generation for Kumpulan Wang Amanah from Education / Training Programmes / Academic Programmes / Competitions dalam dalam Anugerah Kecemerlangan Pencapaian UiTM 2022.

8. Jumlah keseluruhan dana Tabung Wang Amanah ACIS yang berjumlah RM788,000.00 ini tentunya akan kembali untuk dinikmati manfaatnya oleh keseluruhan kakitangan akademik ACIS bagi aktiviti penyelidikan dan penerbitan.
9. Pada kesempatan ini juga, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pelajar pasca siswazah ACIS, Dr. Nurulaina Saidin yang telah dianugerahkan Hadiah Buku Inovasi MTDC serta Dr. Azlisham Abd. Aziz dan Dr. Muhammad Hamizan Ab. Hamid yang dinobatkan dengan Anugerah Pelajar Cemerlang. Saya juga menyanjung tinggi usaha ACIS yang mendokong hasrat UiTM untuk pengantarabangsaan pelajar. Saya difahamkan, pasca Covid-19 ini, ACIS telah mewujudkan jaringan dan menghantar pelajar ke Jepun, Indonesia dan Thailand.
10. Selain daripada akademik, pelajar ACIS juga dilihat seimbang dengan cemerlang dalam bidang sukan melalui program Sukan Antara Fakulti (SAF) UiTM 2023. Secara keseluruhan, kemampuan ACIS dengan menduduki carta ke-8 daripada 17 buah

fakulti yang bertanding menunjukkan bahawa ACIS ini adalah berdiri sama tinggi, duduk sama rendah yang berdaya saing. Justeru, saya doakan semoga ACIS terus melestarikan kejayaan demi kejayaan dalam melahirkan pelajar yang berkualiti dan cemerlang duniawi dan ukhrawi.

11. Secara peribadi, ACIS sentiasa dekat di hati saya dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai tahun lalu. Syabas kepada ACIS yang telah melaksanakan tujuh MOU UiTM dengan organisasi antarabangsa dan kebangsaan. Nampaknya, ACIS telah menggerakkan Langkah mempelopori jaringan dan hubungan dengan negara-negara timur tengah seperti, Jordan, Kuwait dan Qatar. Dengan harapan yang tinggi, semoga ACIS dapat melonjakkan transformasi yang menggerakkan sinergi seluruh jentera ACIS dalam memacu kejayaan UiTM sebagai universiti terkemuka dunia menjelang 2025.

12. Sememangnya, penganjuran Majlis Apresiasi dan Anugerah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) 2023 seperti ini merupakan usaha yang baik dalam merapatkan ukhuwah sesama warga ACIS bagi mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan progresif.
13. Saya difahamkan majlis ini juga diadakan untuk memberikan penghargaan kepada warga ACIS atas kejayaan yang dicapai pada tahun 2022. Usaha ini penting dalam meningkatkan *Index of Happiness* dalam kalangan warga kerja UiTM seterusnya membantu meningkatkan prestasi sesebuah organisasi, ACIS khususnya sebagai sebuah entiti kecemerlangan UiTM.

Hadirin sekalian,

14. Saya berharap usaha dan komitmen yang tinggi daripada warga ACIS sama ada pihak pengurusan, staf akademik, kumpulan pelaksana dan para pelajar

untuk kita dapat berusaha dan mencapai misi dan visi Universiti yang kita sayangi ini.

15. Dalam melaksanakan amanah besar ini, kita perlu menerapkan budaya kerja yang cepat, pantas, bekerjasama dan berdaya tahan. Jadikanlah universiti ini sebagai platform terbaik untuk menjana minda kreatif dan inovatif dalam pembangunan kerjaya akademik, pentadbiran dan professional.
16. Saya percaya dengan semua usaha dan doa yang yang telah dirancang, dilaksanakan serta diteruskan dengan bersungguh-sungguh daripada semua pihak, ACIS akan terus gemilang dan cemerlang untuk tahun-tahun yang seterusnya.
17. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga kerja ACIS dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis makan malam yang cukup meriah hari ini.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.